

Bangi: Umno Ulu Langat kaji tindakan 4 cawangan

KUALA LUMPUR, Jumaat.

JAWATANKUASA UMNO Bahagian Ulu Langat akan mengadakan sidang khas esok untuk mengkaji tindakan empat cawangan UMNO di kawasan Bangi yang bermesyuarat tanpa pengetahuan Bahagian Jumaat lalu.

Ini berikutan dengan keputusan Badan Pengerangan UMNO Bahagian itu yang menganggap mesyuarat empat cawangan tersebut tidak sah mengikut Perlembagaan parti.

Berita Harian mendapat tahu UMNO Bahagian telah pun menyiassat kedudukan itu.

Mesyuarat empat cawangan tersebut ditaja oleh UMNO cawangan Bangi yang menyokong penuh tindakan Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan untuk berdialog dengan Menteri Besar Selangor, Dato Harun Idris.

Tidak ada

Menurut kenyataan yang dikeluarkan, mesyuarat itu juga menyokong sikap PMUKM mengenai permohonan permit membalak Syarikat Kerjasama Serbaguna Bangi Berhad.

Berita Harian difahamkan, setelah disiasat perkara itu, Bahagian mendapati tidak ada sebarang mesyuarat UMNO pada hari tersebut.

"Minit mesyuaratnya pun tidak ada dan pemimpin UMNO cawangan berkenaan pun tidak tahu menahu perkara itu," kata satu sumber UMNO Bahagian.

Mengikutnya, satu mesyuarat mengenai perkara lain memang ada

★ MUKA 2 ruang 8

M kepada nesia

iringi oleh isteri dan anak perempuannya, Dra Irawati dan beberapa orang pegawai kanan polis Indonesia.

Bellau akan berunding dengan Tun Razak, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Abdul Samad Idris dan Ketua Polis Negara, Datuk Abdul Rahman Hashim.

Bellau juga akan diberi taklimat mengenai cawangan-cawangan polis di Kelantan, Perak dan Pulau Pinang.

Puan Salmah jawab tulisan

'Perikatan Semenyih'

KUALA LUMPUR, Jumaat. —

Wakil Dewan Undangan Negeri Selangor Kawasan Semenyih, Puan Salmah Shamsuddin, mensifatkan tulisan "Perikatan Semenyih" dalam ruangan Mimbarnya sebagai "tidak layak dilayan."

Katanya: "Saya tidak ada apa-apa komen tentang tulisan itu yang menyentuh diri saya."

Sangsi

"Kalau dilayan hanya akan berpanjangan, tidak bersudahan."

Katanya beliau tidak perlu menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh "Perikatan Semenyih" kerana penulis itu tidak berterusterang tentang siapa dirinya sebenarnya.

Lagipun, tambahnya, nama samarannya menimbulkan kesangsian samada penulis itu betul-betul datang dari Semenyih atau dari tempat lain.

"Saya tidak tahu ada satu badan yang dinamakan Perikatan di Semenyih; setahu saya yang ada hanyalah MCA, MIC dan UMNO," dia ketawa.

Menurutnya Perikatan tidak wujud di peringkat daerah Semenyih dan orang Semenyih tentu tahu tentang ini.

Katanya lagi: "Kalau dia benar-benar orang Semenyih tentu dia akan datang berjumpa saya kerana saya selalu berulang alik dari sini ke sana."

★ MUKA 2 ruang 7